

Henti cadangan piket jika ingin runding soal gaji—Mahathir

UM 30 SEP 1985

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta CUEPACS menghentikan cadangannya untuk berpiket pada 1 Oktober jika ingin beliau mengadakan rundingan untuk kenaikan tanggaji kakitangan kerajaan.

“Saya bersedia menemui pemimpin CUEPACS dengan syarat mereka menarik balik ancaman untuk mogok dan tidak berbuat

apa-apa untuk melaksanakan ancaman itu,” katanya kepada para pemberita.

Perdana Menteri mengesahkan laporan akhbar hari ini yang menyebut Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) telah menerima surat undangan lima orang anggotanya untuk mengadakan perjumpaan dengan beliau mengenai tuntutan itu.

Bagaimanapun, beliau menyatakan bagaimana

hendak menemui mereka selagi ancaman untuk mogok masih terus berjalan.

Ditanya sama ada tindakan kerajaan ini bermakna mengadakan konfrontasi dengan kesatuan sekerja, Beliau menjawab: “Kami tidak melancarkan ancaman itu, oleh kerana itu bukan kerajaan yang patut bertindak untuk meredakannya.

“Mogok itu tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada negara. Ada

orang bertanya sekarang sama ada negara stabil atau tidak dan jika tidak stabil sudah tentu tidak dapat menarik pelaburan dan kelak tidak dapat memberikan pekerjaan kepada pekerja yang terpaksa dibuang kerja kerana keadaan ekonomi negara.”

Perdana Menteri menjejaskan beliau masih belum memikirkan apakah tindakan yang akan diambil jika sekiranya CUEPACS masih melancarkan piket tetapi beliau berharap perasaan keawaran akan wujud di kalangan pemimpin pekerja (good sense will prevail).

Beliau berpendapat jika sebuah kesatuan sahaja melancarkan mogok tidak menjadi masalah tetapi jika ia melibatkan ramai pekerja terutama perkhidmatan perlu, sudah tentu menyusahkan rakyat dan menjadikan kerajaan lumpuh.

Tetapi, beliau berkata kerajaan cuma boleh mengambil tindakan sekiranya mereka melakukan huru-hara atau merosakkan jentera perkhidmatan kerajaan yang perlu termasuk jururawat dan telekom.

Katanya, kerajaan tidak dapat mengambil tindakan terhadap mereka oleh kerana mogok adalah hak kesatuan sekerja dan kerajaan tidak mahu mencajuli hak yang diberikan kepada mereka di bawah undang-undang.